

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN
ABD HAMID
(LUMUT)**

**TARIKH : 18.6.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian bercadang meneliti semula pencen Anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL) Tentera Laut Di Raja Malaysia dikira berpandukan jumlah peratusan gaji pokok dicampur Elaun Khas di mana angka-angka ini akan memberi insentif sedikit kepada Warga PASKAL dan mereka tidak akan berhenti awal berdasarkan tawaran yang diterima dari firma-firma.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa mencari ruang dan peluang bagi menambahbaik syarat-syarat dan faedah perkhidmatan supaya relevan dan memberi manfaat kepada pegawai dan anggota ATM. Pada masa yang sama, Kerajaan telah bersetuju dan meluluskan faedah persaraan lebih baik dalam tempoh 2010 sehingga 2013.

Kesan terhadap inisiatif tersebut, telah mendorong anggota di setiap tahap kemahiran dalam perkhidmatan untuk terus berkhidmat bagi melayakkan mereka dibayar pencen perkhidmatan. Susulan pembaharuan kepada faedah persaraan terkini, Kementerian berpendapat prinsip pengiraan pencen perkhidmatan sedia ada masih bersesuaian dan dikekalkan.